



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA PERANCANGAN BANDAR 1995 P.U. (A) 430/1998 KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN PERANCANG BANDAR 1998

Tarikh penyiaran:
Tarikh mula berkuatkuasa:

26 November 1998
01 Disember 1998

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

Mukadimah

- Kaedah 1. Nama dan permulaan kuat kuasa.
- Kaedah 2. Tafsiran.
- Kaedah 3. Borang-borang permohonan.
- Kaedah 4. Pengalaman amali.
- Kaedah 5. Fi kemasukan, fi pendaftaran dan kegagalan membayar fi.
- Kaedah 6. Perakuan pendaftaran.
- Kaedah 7. Fi pembaharuan.

JADUAL

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 50 Akta Perancangan Bandar 1995 [Akta 538], Lembaga Perancangan Bandar, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

1. Nama dan permulaan kuat kuasa.

(1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pendaftaran Perancang Bandar 1998**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Disember 1998.

2. Tafsiran.

Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“Borang” ertinya borang yang berkenaan yang dinyatakan dalam Jadual;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah subseksyen 4(2) Akta.

3. Borang-borang permohonan.

(1) Seseorang yang berhasrat untuk didaftarkan sebagai seorang Perancang Bandar berdaftar di bawah subseksyen 15(3) Akta hendaklah membuat permohonan kepada Lembaga dalam Borang 1.

(2) Seseorang yang berhasrat untuk didaftarkan sebagai seorang Perancang Bandar Siswazah berdaftar di bawah subseksyen 15(1) Akta hendaklah membuat permohonan kepada Lembaga dalam Borang 2.

4. Pengalaman amali.

Pengalaman amali yang dikehendaki diperoleh oleh seorang Perancang Bandar Siswazah berdaftar di bawah subseksyen 15(2) Akta hendaklah yang memuaskan hati Lembaga dan setaraf dengan yang dikehendaki untuk keanggotaan Korporat Pertubuhan Perancang Malaysia.

5. Fi kemasukan, fi pendaftaran dan kegagalan membayar fi.

(1) Mana-mana orang yang permohonannya untuk pendaftaran sebagai seorang Perancang Bandar Berdaftar telah diluluskan hendaklah, dalam tempoh dua bulan dari tarikh pemberitahuan kelulusan tersebut, membayar kepada Lembaga fi kemasukan sebanyak dua ratus lima puluh ringgit dan fi pendaftaran sebanyak dua ratus ringgit.

(2) Mana-mana orang yang permohonannya untuk pendaftaran sebagai seorang Perancang Bandar Siswazah berdaftar telah diluluskan hendaklah, dalam tempoh dua bulan dari tarikh pemberitahuan kelulusan itu, membayar kepada Lembaga, fi kemasukan sebanyak satu ratus ringgit dan fi pendaftaran sebanyak lima puluh ringgit.

(3) Jika fi kemasukan dan fi pendaftaran tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan di bawah subkaedah (1) dan (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, permohonan itu hendaklah disifatkan

telah ditarik balik oleh pemohon itu dan tiada permohonan lanjut daripadanya boleh dipertimbangkan sebelum habis tempoh satu tahun dari tarikh yang padanya permohonannya yang terdahulu diluluskan.

(4) Walau apapun peruntukan subkaedah (3), Lembaga boleh mempertimbangkan sesuatu permohonan sebelum habis tempoh yang dinyatakan dalam perenggan itu jika Lembaga berpuas hati bahawa ada sebab atau alasan yang mencukupi bagi kegagalan pemohon membayar fi kemasukan dan fi pendaftaran berkenaan dengan kelulusan yang terdahulu.

6. Perakuan pendaftaran.

(1) Sesuatu perakuan pendaftaran yang dikeluarkan kepada seorang Perancang Bandar berdaftar hendaklah dalam Borang 3.

(2) Sesuatu perakuan pendaftaran yang dikeluarkan kepada seorang Perancang Bandar Siswazah berdaftar hendaklah dalam Borang 4.

7. Fi pembaharuan.

(1) Seseorang Perancang Bandar berdaftar atau Perancang Bandar Siswazah berdaftar yang berhasrat memperbaharui perakuan pendaftarannya di bawah subseksyen 17(3) Akta hendaklah mengemukakan kepada Pendaftar suatu permohonan untuk pembaharuan dalam Borang 5 pada atau sebelum 31 Januari bagi tahun berikutan tahun perakuan pendaftarannya habis tempoh.

(2) Sesuatu permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah disertakan dengan fi pembaharuan dalam bentuk kiriman wang, draf bank atau cek yang dibuat atas nama Lembaga.

(3) Fi pembaharuan bagi seorang Perancang Bandar berdaftar ialah dua ratus ringgit, dan berkenaan dengan Perancang Bandar Siswazah berdaftar ialah lima puluh ringgit.

JADUAL

BORANG 1

AKTA PERANCANG BANDAR 1995
KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN BANDAR 1998
(Subkaedah 3(1))

Borang permohonan untuk pendaftaran sebagai seorang Perancang Bandar berdaftar di bawah subseksyen 15(3) Akta Perancang Bandar 1995.

(Hendaklah diisi oleh pemohon dengan huruf besar)

Nama :
Tarikh Lahir: Jantina.....
Kewarganegaraan: Kad Pengenalan No:
Alamat urusan biasa:
.....
.....

No. Tel :
Alamat pos (jika lain daripada di atas) :
.....
.....

Kelulusan-kelulusan akademik:
.....
.....
.....

Kelulusan –kelulusan /latihan profesional, jika ada:
.....
.....
.....

CATATAN:

Penalti bagi mengakudiri secara palsu:

Mengikut seksyen 44 Akta Perancang Bandar 1995, seseorang yang memperoleh atau menyebabkan pemerolehan suatu perakuan pendaftaran, perakuan pendaftaran sementara atau permit dengan membuat atau menyebabkan dibuat atau menghasilkan atau menyebabkan dihasilkan suatu akaun, perakuan, permohonan atau representasi palsu atau tipuan melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini dan boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Sertakan satu keping gambar berukuran pasport

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

Tarikh diterima:

Tarikh diedarkan kepada anggota –anggota Lembaga:

Keputusan Lembaga:

Diluluskan

Ditolak

Ditangguhkan

Sebab-sebab:

Tarikh permohonan diberitahu:

Tarikh fi kemasukan dan fi pendaftaran diterima:.....

No. Resit:

Dicatat dalam daftar:

No. siri pendaftaran:

Tarikh perakuan pendaftaran:

Tandatangan Pendaftar:

Akuan untuk ditandatangani oleh pemohon-

Kepada :

PENDAFTAR
LEMBAGA PERANCANG BANDAR, MALAYSIA

Saya, yang bertandatangan di bawah ini, memohon untuk didaftarkan sebagai seorang Perancang Bandar berdaftar dan membuat akaun seperti yang berikut:

* (1) Saya-

(a) ialah seorang Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan nombor pendaftaran saya ialah

(b) telah memperoleh pengalaman amali yang ditetapkan di bawah subseksyen 15(2) Akta: dan

(c) *(i) ialah seorang Anggota Korporat Pertubuhan Perancang Malaysia.

(ii) telah memperoleh kelulusan berikut yang saya minta Lembaga menimbang sebagai setaraf dengan Keanggotaan Korporat Pertubuhan Perancang Malaysia: .

.....
.....

* (2) Saya ialah seorang Anggota Korporat Pertubuhan Perancang Malaysia sebelum sahaja 1 Januari 1996 dan masih lagi menjadi ahli itu.

Saya bersetuju untuk mematuhi Akta Perancang Bandar 1995, Kaedah-Kaedah dan Tata Kelakuan Profesional bagi Perancang Bandar.

Tarikh:
.....
(Tandatangan Pemohon)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

CATATAN:

Pemohon hendaklah mengemukakan salinan-salinan yang diperakui bagi surat-surat akaun, sijil-sijil dan dokumen lain yang berkenaan bagi menyokong permohonan termasuk, dalam hal seseorang Perancangan Bandar Siswazah berdaftar, bukti mengenai pengalaman amali yang ditetapkan itu.

BORANG 2

AKTA PERANCANG BANDAR 1995

KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN BANDAR 1998

(Subkaedah 3(2))

Borang permohonan untuk pendaftaran sebagai seorang Perancang Bandar berdaftar di bawah subseksyen 15(1) Akta Perancang Bandar 1995.

(Hendaklah diisi oleh pemohon dengan huruf besar)

Nama :
Tarikh Lahir: Jantina.....
Kewarganegaraan: Kad Pengenalan No:
Alamat urusan biasa:
.....
.....


No. Tel :
Alamat pos (jika lain daripada di atas) :
.....
.....

Kelulusan-kelulusan akademik:
.....
.....
.....

Kelulusan –kelulusan /latihan profesional, jika ada:
.....
.....
.....

CATATAN:
Penalti bagi mengakudiri secara palsu:

Mengikut seksyen 44 Akta Perancang Bandar 1995, seseorang yang memperoleh atau menyebabkan pemerolehan suatu perakuan pendaftaran, perakuan pendaftaran sementara atau permit dengan membuat atau menyebabkan dibuat atau menghasilkan atau menyebabkan dihasilkan suatu akaun, perakuan, permohonan atau representasi palsu atau tipuan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.



UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

Tarikh diterima:
Tarikh diedarkan kepada anggota –anggota Lembaga:

Keputusan Lembaga

Diluluskan

Ditolak

Ditangguhkan

Sebab-sebab:

Tarikh permohonan diberitahu:

Tarikh fi kemasukan dan fi pendaftaran diterima:.....

No. Resit:

Dicatatkan dalam daftar:

No. siri pendaftaran:

Tarikh perakuan pendaftaran:

Tandatangan Pendaftar:

Akuan untuk ditandatangani oleh pemohon-

Kepada:

PENDAFTAR
LEMBAGA PERANCANG BANDAR, MALAYSIA

Saya, yang bertandatangan di bawah ini, memohon untuk didaftarkan sebagai seorang Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan membuat akaun seperti yang berikut:

*(1) Saya mempunyai-

(a) kelulusan-kelulusan yang berikut yang melayakkan saya sebagai seorang Anggota Siswazah Pertubuhan Perancang Malaysia:

.....
.....

(b) kelulusan-kelulusan yang berikut yang saya meminta Lembaga menimbangkan sebagai setaraf dengan Keanggotaan Siswazah bagi Pertubuhan Perancang Malaysia:

.....
.....

*(2) Saya kini beramal di:

.....
.....

Saya bersetuju untuk mematuhi Akta Perancang Bandar 1995, Kaedah-Kaedah dan Tata Kelakuan Profesional bagi Perancang Bandar Siswazah.

Tarikh: (Tandatangan Pemohon)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

CATATAN:

Pemohon hendaklah mengemukakan salinan-salinan yang diperakui bagi surat-surat akaun, siji-siji dan dokumen lain yang berkenaan bagi menyokong permohonan.

BORANG 3

AKTA PERANCANG BANDAR 1995

KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN PERANCANG BANDAR 1998

(Subkaedah 6(1))

No. Perakuan:

LEMBAGA PERANCANG BANDAR, MALAYSIA

PERAKUAN PENDAFTARAN

INI ADALAH UNTUK MEMPERAKUI BAHAWA

Nama:
Kad Pengenalan No:
No. Siri Pendaftaran:
Alamat:

yang mematuhi kehendak-kehendak Akta Perancang Bandar 1995 dan yang menjelaskan fi pendaftaran didaftarkan sebagai seorang **PERANCANG BANDAR BERDAFTAR** tertakluk kepada peruntukan Akta ini.

Perakuan Pendaftaran ini habis tempoh pada 31 Disember

Meterai Biasa:

.....
Pengerusi

.....
Pendaftar

Tarikh dikeluarkan

BORANG 4

AKTA PERANCANG BANDAR 1995

KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN PERANCANG BANDAR 1998

(Subkaedah 6(2))

No. Perakuan:

LEMBAGA PERANCANG BANDAR, MALAYSIA

PERAKUAN PENDAFTARAN

INI ADALAH UNTUK MEMPERAKUI BAHAWA

Nama:
Kad Pengenalan No:
No. Siri Pendaftaran:
Alamat:

yang mematuhi kehendak-kehendak Akta Perancang Bandar 1995 dan yang menjelaskan fi pendaftaran didaftarkan sebagai seorang **PERANCANG BANDAR BERDAFTAR** tertakluk kepada peruntukan Akta ini.

Perakuan Pendaftaran ini habis tempoh pada 31 Disember

Meterai Biasa:

.....
Pengerusi

.....
Pendaftar

Tarikh dikeluarkan

BORANG 5

AKTA PERANCANG BANDAR 1995

KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN PERANCANG BANDAR 1998

(Subkaedah 7(1))

No. Perakuan:

Permohonan untuk pembaharuan Perakuan Pendaftaran *Perancang Bandar berdaftar/Perancang Bandar Siswazah berdaftar.

1. Nama:

2. No. siri pendaftaran:

3. Alamat (jika ada pertukaran)

No. tel:

4. Butir-butir bayaran yang disertakan:

*Kiriman Wang/Draf Bank/ Cek No: Jumlah:

Saya yang bertandatangan di bawah ini, memohon untuk membaharui Perakuan Pendaftaran sebagai *Perancang Bandar berdaftar/Perancang Bandar Siswazah berdaftar bagi tahun

Tarikh:
(Tandatangan Pemohon)

*potong mana-mana yang tidak berkenaan.

Diperbuat pada 16 Oktober 1998.
[KPRT (S) 01/8/4/Jld. I:
PN (PU²) 590]

DATO' ZAINUDDIN BIN MUHAMMAD,
Pengerusi,
Lembaga Perancang Bandar,
Malaysia

Diluluskan pada 28 Oktober 1998.

DATO' DR. TING CHEW PEH,
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan